

NO SOALAN :47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN
(KINABATANGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.12.2015

Y.B. DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pelaburan terkini Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di dalam dan luar negara dari Tahun 2010 sehingga 2015 dan berapakah keuntungan yang diperoleh hasil pelaburan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat Jun 2015, daripada RM667.21 bilion aset pelaburan

95
93

KWSP, sebanyak 75% dilaburkan di pasaran domestik manakala baki 25% dilaburkan di pasaran luar negara. Peratusan pelaburan di luar negara ini telah meningkat sejak tahun 2010, yang mana pada penghujung tahun 2010 pelaburan KWSP di luar negara adalah hanya pada tahap 10%. Peratusan ini meningkat kepada 13% pada tahun 2011, 17% pada tahun 2012 dan seterusnya kepada 20% dan 23% pada penghujung tahun 2013 dan 2014. Peningkatan peratusan ini adalah selaras dengan kelulusan had pendedahan yang diberikan Kementerian Kewangan yang kini berada pada tahap 26%.

Walaupun pendedahan pelaburan luar negara KWSP telah meningkat dari tahun ke tahun, pelaburan domestik terus kekal penting dan bahagian utama dalam struktur pelaburan KWSP di mana saiz portfolio tersebut secara konsisten mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan pada kadar 7% setiap tahun.

Sejak tahun 2010, pelaburan luar negara KWSP secara keseluruhannya telah memberi nilai tambah kepada keseluruhan pulangan pelaburan KWSP. Bagi setengah tahun pertama tahun 2015, pendapatan

pelaburan kasar bagi portfolio ini adalah lebih 40% daripada RM22.04 bilion yang dicatatkan walaupun pendedahannya hanya 25% daripada RM667.21 bilion jumlah dana pelaburan KWSP. Ini juga boleh dilihat melalui Kadar Pulangan atas Pelaburan (ROI) di mana portfolio ini secara berterusan telah menambah nilai kepada ROI tahunan keseluruhan pelaburan KWSP.

Bagi setiap tahun antara 2010 sehingga 2014, pelaburan luar negara telah merekodkan ROI tahunan yang memberangsangkan iaitu masing-masing sebanyak 7.46%, 6.90%, 7.13%, 8.89% dan 10.45%. Ini bersamaan penambahan nilai kepada ROI keseluruhan KWSP sebanyak 21 mata asas pada tahun 2010, 2 mata asas pada tahun 2011, 5 mata asas pada tahun 2012, 47 mata asas pada tahun 2013 dan 91 mata asas pada tahun 2014.